

| | | | |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | 50 orang dipilih tunai umrah | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 23 Dec 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 173,387 |
| Page No | 7 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 428 cm ² |
| Journalist | MOHAMAD SHOFI MAT ISA | AdValue | RM 8,537 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,611 |



Bagi doakan kesejahteraan Pahang, elak c
litimpa bencana banjir - Sultan

50 orang dipilih tunai umrah

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

shofi.isa@utusan.com.my

KUANTAN 22 Dis. - Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah bertitah, seramai 50 rakyat Pahang akan dipilih mengerjakan umrah bagi mendoaakan kesejahteraan negeri ini dan mengelakkan daripada ditimpa bencana seperti banjir.

Sultan Ahmad Shah bertitah, Tabung Haji (TH) akan membuat pemilihan dan menanggung 30 daripada mereka manakala 20 orang lagi akan ditanggung oleh baginda.

"Saya memohon agar pihak yang yang terpilih untuk pergi mengerjakan umrah nanti dapat mendoaakan kesejahteraan buat negeri ini dan seluruh rakyat serta dielakkan dari dilanda musibah banjir sekali lagi," titah baginda.

Baginda bertitah demikian dalam majlis Perasmian Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir dan Penghargaan Kepada Sukarelawan Peringkat

Negeri Pahang di Masjid al-Muttaqin, Tanah Putih di sini hari ini.

Majlis tersebut adalah kerjasama Kelab Putera 1Malaysia (KPIM) dengan Yayasan Alam Sekitar Sultan Ahmad Shah (SASET).

Turut berangkat, Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom dan Tengku Arif Temenggong yang juga Ketua Pegawai Eksekutif SASET, Tengku Fahd Sultan Ahmad Shah.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, Pengurus KPIM, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dan barisan Exco kerajaan negeri.

Seramai 1,000 mangsa banjirenerima bantuan wang tunai RM250 sumbangan kerajaan negeri dan RM100 sumbangan SASET.

Selain itu, mereka turut menerima sumbangan tambahan daripada KPIM iaitu tilam, bantal dan dapur serta kain batik, telekung, tudung dan sejadah yang disumbangkan oleh TH.

Sementara itu, Adnan berkata, bikhinya bermula hari ini akan mengagihkan bantuan RM250 kepada kira-kira 17,054 keluarga mangsa banjir di negeri ini.

"Kerajaan negeri tidak akan lupa dengan janji kita untuk memberikan bantuan ini (RM250), cuma kita harap semua bersabar kerana mangsa yang terlibat lebih 17,000, semua akan dapat secara berperingkat," katanya.

Mengenai jumlah kerugian ekoran banjir kali ini, Adnan berkata, kerajaan negeri menganggarkan jumlah kerugian kira-kira RM390 juta.

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | 1,000 MANGSA BANJIR TERIMA BANTUAN KERAJAAN PAHANG, SASET. KP1M | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 23 Dec 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 173,387 |
| Page No | 1,7 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 319 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,363 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,089 |



RM4.5 juta bantu mangsa banjir di Pahang

KUANTAN 22 Dis. - Sebanyak RM4.5 juta diperuntukkan oleh Kelab Putera 1Malaysia (KP1M) bagi membantu kira-kira 61,057 mangsa banjir melibatkan 17,054 keluarga di negeri ini.

Pengerusi KP1M, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, selain bantuan daripada kelab itu, Tabung Haji (TH) yang beliau selaku Pengerusinya juga memperuntukkan RM600,000 bagi memberi bantuan seperti kain pelikat, batik, telekung, tudung dan sejadah.

"Apa yang dilakukan ini adalah salah satu platform dalam usaha kita membantu rakyat yang ditimpakan bencana dan bertujuan meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh setiap mangsa."

"Melalui platform yang ada ini, bukan sahaja rakyat di negara ini kita bantu malah sudah melebihi 34 negara kita beri bantuan, negara terkaya seperti Jepun dan termiskin seperti Somalia pun kita bantu," katanya ketika berucap dalam majlis Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir dan Penghargaan Kepada Sukarelawan Peringkat Negeri Pahang di Masjid al-Muttaqin, Tanah Putih di sini hari ini.

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | 1,000 MANGSA BANJIR TERIMA BANTUAN KERAJAAN PAHANG, SASET. KP1M | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 23 Dec 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 173,387 |
| Page No | 1,7 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 319 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,363 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,089 |

Majlis yang merupakan kerjasama KP1M dengan Yayasan Alam Sekitar Sultan Ahmad Shah (SASET) itu disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

Seramai 1,000 mangsa banjir menerima bantuan berupa wang tunai RM250 sumbangan kerajaan negeri dan RM100 sumbangan SASET.

Selain itu, kesemua mereka turut menerima sumbangan tambahan daripada KPIM iaitu tilam, bantal dan dapur serta kain batik, telekung, tudung dan sejadah yang disumbangkan oleh TH.

Abdul Azeez berkata, bantuan yang diberikan itu akan diteruskan jika banjir gelombang kedua berlaku seperti diramalkan.

| | | | |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | 50 orang dipilih tunai umrah | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 23 Dec 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 173,387 |
| Page No | 7 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 428 cm ² |
| Journalist | MOHAMAD SHOFI MAT ISA | AdValue | RM 8,537 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,611 |



SULTAN Ahmad Shah bersama Sultanah Kalsom ditemani Abdul Azeez Abdul Rahim menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 1,000 mangsa banjir di Masjid al-Muttaqin, Tanah Putih, Kuantan, semalam.